



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 28 Mac 2023 (2023) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>336 Kanak-Kanak Didera Di Pusat Jagaan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/251586/berita/nasional/336-kanak-kanak-didera-di-pusat-jagaan</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/27/over-300-child-abuse-cases-at-daycares-kindergartens-in-2022-says-nancy-shukri</p> <p>https://www.thesundaily.my/local/panel-meeting-for-child-placement-established-to-address-abuse-cases-EP10798369</p> <p>https://tvstv.my/2023/03/27/parlimen-sebanyak-1301-kes-dera-fizikal-direkod-tahun-lepas-nancy/</p> <p>https://bernama.com/en/general/news.php?id=2176575</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>The Star</p> <p>The Sun Daily</p> <p>TVSTV</p> <p>Bernama</p>	Neutral

https://malaysiagazette.com/2023/03/27/wajib-pasang-cctv-tingkat-operasi-pusat-jagaan-kanak-kanak-nancy/	Malaysia Gazette
https://www.nst.com.my/news/nation/2023/03/893364/mandatory-cctv-installation-daycare-centres-help-curb-child-abuse	NST
https://www.buletintv3.my/nasional/lebih-300-kanak-kanak-didera-di-pusat-jagaan/	Buletin TV3
https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/27/mesyuarat-panel-penempatan-kanak-kanak-ditubuh-tangani-kes-penderaan/	FMT
https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/950073/jkm-wajib-pemasangan-cctv-di-taska-metrotv	Harian Metro
https://headtopics.com/my/over-300-child-abuse-cases-at-daycares-kindergartens-in-2022-says-nancy-shukri-37187423	Head Topics
https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/60313-kpwkm-pandang-serius-isu-penderaan-kanak-kanak	Berita RTM
https://www.kosmo.com.my/2023/03/27/dewan-rakyat-336-kes-penderaan-dilaporkan-dalam-tempoh-dua-tahun-lalu/	Kosmo
https://bebasnews.my/2023/03/27/336-kanak-kanak-didera-di-pusat-jagaan-menteri/	Bebas News
https://newswav.com/article/panel-meeting-for-child-placement-established-to-address-abuse-cases-A2303 OSxRpl	Newswav
https://utusan.com/2023/03/27/336-kes-dera-kanak-kanak-di-pusat-jagaan/	Utusan TV
https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mesyuarat-panel-penempatan-kanak-kanak-ditubuhkan-bagi-tangani-kes-penderaan-412723	Astro Awani
https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1082449/mesyuarat-panel-penempatan-kanak-kanak-diwujudkan-bagi-tangani-kes-dera?utm_source=bh&utm_medium=terkinitabhp	Berita Harian

	<p>https://suaramerdeka.com.my/talian-kasih-15999-untuk-mangsa-penderaan-wanita-dan-kanak-kanak/</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2176536</p> <p>https://malaysiapost.com.my/2023/03/27/336-kanak-kanak-didera-di-pusat-jagaan-nancy/</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=XzguSWnbW-0</p>	<p>Suara Merdeka</p> <p>Bernamea</p> <p>Malaysia Post</p> <p>Berita Harian</p>	
2	<p>KPWKM Kaji Wajib Kursus Praperkahwinan Pasangan Bukan Islam</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-kaji-wajib-kursus-praperkahwinan-pasangan-bukan-islam-412797</p> <p>https://www.malaysianow.com/my/news/2023/03/27/kpwkm-tubuh-jawatankuasa-kaji-wajibkan-kursus-praperkahwinan-pasangan-bukan-islam</p> <p>https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2176663</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/28/ministry-looking-at-pre-marriage-courses-for-non-muslim-couples</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/27/jawatankuasa-ditubuh-kaji-keperluan-kursus-praperkahwinan-pasangan-bukan-islam/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=jawatankuasa-ditubuh-kaji-keperluan-kursus-praperkahwinan-pasangan-bukan-islam</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/03/27/ministry-mulls-mandatory-pre-nuptial-course-for-non-muslims/</p> <p>https://www.thevibes.com/articles/news/88955/womens-ministry-mulls-committee-to-study-mandatory-non-muslim-marriage-course</p> <p>https://harapandaily.com/kerajaan-cadang-wajibkan-kursus-praperkahwinan-pasangan-bukan-islam/</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Malaysia Now</p> <p>Bernamea</p> <p>The Star</p> <p>Kosmo</p> <p>FMT</p> <p>The Vibes</p> <p>Harapan Daily</p>	Neutral

	<p>https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/03/27/womens-ministry-mulls-study-on-mandatory-pre-marriage-courses-for-non-muslim-couples-as-well/61786</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/950228/jawatankuasa-kaji-wajibkan-kursus-praperkahwinan-pasangan-bukan-islam</p> <p>https://www.dailyexpress.com.my/news/210150/ministry-mulls-mandatory-prenuptial-courses-for-non-muslims/</p> <p>https://newswav.com/article/women-s-ministry-mulls-study-on-mandatory-pre-marriage-courses-for-non-muslim-A2303_Ze2JI8</p> <p>https://headtopics.com/my/women-s-ministry-mulls-study-on-mandatory-pre-marriage-courses-for-non-muslim-couples-as-well-37194331</p> <p>https://majoriti.com.my/berita/2023/03/27/pasangan-bukan-islam-mungkin-diwajibkan-jalani-kursus-praperkahwinan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/251668/berita/nasional/kaji-wajibkan-kursus-praperkahwinan-pasangan-bukan-islam</p>	<p>Malay Mail</p> <p>Harian Metro</p> <p>Daily Express</p> <p>Newswav</p> <p>Head Topics</p> <p>Majoriti</p> <p>Sinar Harian</p>	
3	<p>Guru Pusat Asuhan Bongkar Kanak-Kanak 6 Tahun Didera Bapa Tiri</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/guru-pusat-asuhan-bongkar-kanakkanak-6-tahun-didera-bapa-tiri-412784</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/251672/berita/senarai/kanak-kanak-perempuan-disyaki-mangsa-dera</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/kanak-kanak-enam-tahun-dipercayai-didera-bapa-tiri/</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Utusan</p>	Neutral
4	<p>Kaki Kanak-Kanak Tersepit Pada Lubang Saluran Air</p>		Neutral

	https://tvstv.my/2023/03/27/kaki-kanak-kanak-tersepit-pada-lubang-saluran-air/ https://sarawakvoice.com/bomba-selamat-kaki-kanak-kanak-lelaki-tersepit-dalam-lubang-tandas/	<p>TVSTV</p> <p>Sarawak Voice</p>	
5	<p>RUU Kesalahan Seksual Kanak-Kanak Dibentang Di Dewan Rakyat</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/660169</p> <p>https://ismaweb.net/2023/03/27/ruu-kesalahan-seksual-kanak-kanak-dibentang-di-dewan-rakyat/</p> <p>https://www.thesundaily.my/cerita/berita/ruu-kesalahan-seksual-kanak-kanak-dibentang-di-dewan-rakyat-MP10798325</p> <p>https://www.edisi9.com.my/2023/03/azalina-bentang-ruu-kesalahan-seksual-kanak-kanak/</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=WYPQTCAlBEQ</p>	<p>Malaysia Kini</p> <p>Isma Web</p> <p>The Sun Daily</p> <p>Edisi 9</p> <p>Astro Awani</p>	Neutral
6	<p>Warga Emas Cedera Dipijak Dan Dipukul Anak</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/60292-warga-emas-cedera-dipijak-dan-dipukul-anak</p>	<p>Berita RTM</p>	Neutral
7	<p>Warga Emas Dakwa 'Diserang' Anggota MBPJ, 9 Individu Beri Keterangan</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/27/warga-emas-dakwa-diserang-anggota-mbpj-9-individu-beri-keterangan/</p>	<p>FMT</p>	Neutral
8	<p>Pembekal Sayur Warga Emas Cedera Parah Dibelasah Pekerja Kedai Kopi</p> <p>https://www.utusansarawak.com.my/?p=43806</p>	<p>Utusan Sarawak</p>	Neutral
9	<p>'Bukan Mudah Jaga Anak OKU'</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1082256/bukan-mudah-jaga-anak-oku?utm_source=bh&utm_medium=terkinitabhp</p>	<p>Berita Harian</p>	Neutral

10	<p>Sepak, Pijak Kepala Ibu Kerana Tidak Diberi RM20 Beli Dadah</p> <p>https://selangorkini.my/2023/03/sepak-pijak-kepala-ibu-kerana-tidak-diberi-rm20-beli-dadah/</p> <p>https://majoriti.com.my/berita/2023/03/27/berang-tak-dapat-rm20-beli-dadah-bekas-tentera-tergamak-pijak-muka-ibu-sampai-bengkak-di-tanah-merah</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/03/27/bekas-askar-pijak-pukul-ibu-kerana-dadah-ditahan/</p> <p>https://bernama.com/bm/news.php?id=2176443</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/60292-warga-emas-cedera-dipijak-dan-dipukul-anak</p> <p>https://www.sabahbarunews.com/?p=18184</p> <p>https://wartaoriental.com/2023/03/27/kerana-rm20-untuk-beli-dadah-anak-belasah-ibu-kandung/</p>	<p>Selangor Kini</p> <p>Majoriti</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Bernamea</p> <p>Berita RTM</p> <p>Sabah Baru News</p> <p>Warta Oriental</p>	Neutral
----	--	---	---------

336 KANAK-KANAK DIDERA DI PUSAT JAGAAN

<https://www.sinarharian.com.my/article/251586/berita/nasional/336-kanak-kanak-didera-di-pusat-jagaan>

Sumber : Sinar Harian



KUALA LUMPUR - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) merekodkan sebanyak 336 kes penderaan kanak-kanak di rumah pengasuh dan pusat asuhan bagi tempoh 2021 hingga 2022.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, data yang direkodkan itu membabitkan kes pelbagai kategori termasuk rumah pengasuh, taska berdaftar, taska tidak berdaftar dan sebagainya.

“Saya ingin mengajak semua pihak mengadakan program berunsurkan nilai untuk mewujudkan ekosistem bagi membolehkan semua masyarakat mempunyai kesedaran dan membantu jika berlaku kes penderaan.

“Sekiranya ada maklumat membabitkan penderaan segera hubungi 15999.

"Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai kita yang cepat bertindak dan mengikut proses dalam menyelesaikan kes membabitkan penderaan," katanya ketika persidangan di Dewan Rakyat di sini pada Isnin.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Salamiah Mohd Nor (PN - Temerloh) yang memintanya menyatakan peratusan ke s penderaan kanak-kanak setahun di Malaysia dan sejauh mana usaha kerajaan untuk menangani kes berkenaan.

Sementara itu, menjawab soalan asal Datuk Seri Doris Sophia Brodi (GPS - Sri Aman yang memintanya menyatakan langkah-langkah diambil untuk menangani masalah penderaan dan sosial membabitkan kanak-kanak, Nancy berkata, pelbagai langkah telah diambil.

“Antara langkah-langkah segera yang telah dilaksanakan oleh KPWKM adalah mewujudkan Garis Panduan Pengurusan Penempatan Kanak-Kanak kepada Ibu Bapa dan Orang Yang Layak dan Sesuai (OYLS).

“Melalui Garis Panduan ini, pegawai pelindung Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mempunyai rujukan dan panduan secara terperinci dalam proses membuat syor pihak yang layak menjadi OYLS, sebelum diputuskan oleh mahkamah,” katanya.

Selain itu katanya, pegawai pelindung JKM terus diberikan pendedahan serta latihan yang berterusan dalam usaha mempertingkatkan dan melengkapkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran.

KPWKM KAJI WAJIB KURSUS PRAPERKAHWINAN PASANGAN BUKAN ISLAM

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-kaji-wajib-kursus-praperkahwinan-pasangan-bukan-islam-412797>

Sumber : Astro Awani

KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam proses menyediakan kertas cadangan bagi penubuhan sebuah jawatankuasa untuk mengkaji kebolehlaksanaan mewajibkan kursus praperkahwinan kepada pasangan bukan Islam.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Aiman Athirah Sabu berkata jawatankuasa itu akan mencadangkan program bersesuaian dan ia akan dibentangkan kepada Kabinet dalam masa terdekat.

Beliau berkata demikian pada sesi penggulungan perbahasan Titah Diraja, di Dewan Negara hari ini bagi mengulas cadangan Senator Akmaz Ehtook agar pasangan bukan Islam yang bakal berkahwin juga melalui kursus praperkahwinan bagi membekalkan ilmu kekeluargaan kepada mereka.

Sementara itu, mengulas mengenai kekurangan pegawai dan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di pusat penempatan sementara (PPS) ketika banjir, Aiman Athirah berkata jabatan itu telah mengambil langkah bagi mengatasi isu berkenaan menerusi pemerikasaan komuniti.

"JKM telah mengambil inisiatif untuk memperkasakan komuniti dengan melantik ketua komuniti, ketua agensi tempatan, pengetua, guru-guru besar dan lain lain sukarelawan komuniti sebagai penyelia dan ahli jawatankuasa dan petugas di PPS yang diaktifkan semasa berlaku banjir besar.

"Melalui pendekatan pemerikasaan dan daya tahan masyarakat semasa bencana, ia akan membolehkan ketua-ketua komuniti membuka dan mengoperasikan PPS dengan pemantauan minima daripada kakitangan JKM," katanya.

GURU PUSAT ASUHAN BONGKAR KANAK-KANAK 6 TAHUN DIDERA BAPA TIRI

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/guru-pusat-asuhan-bongkar-kanakkanak-6-tahun-didera-bapa-tiri-412784>

Sumber : Astro Awani

ARAU: Seorang lelaki ditahan kerana disyaki mendera anak tirinya berusia enam tahun di Kampung Alor Lanchang Jejawi, di sini.

Ketua Polis Daerah Arau, Superintendan Ahmad Mohsin Md Rodi, berkata pihaknya menerima laporan daripada guru pusat asuhan tempat kanak-kanak itu belajar pada 22 Mac lalu.

"Guru wanita terbabit telah membuat pemeriksaan terhadap tubuh kanak-kanak berusia enam tahun berkenaan dan menemui beberapa kesan lebam lama dan baharu pada tubuh mangsa.

"Guru terbabit bertanya mangsa sebelum diberitahu dia telah dipukul oleh bapa tirinya kerana tidak menuruti kata-kata suspek.

“Guru terbabit kemudian menghubungi ibu mangsa dan ibu mangsa turut maklumkan bahawa dia dan anaknya telah menjadi mangsa pukul,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Ahmad Mohsin berkata, hasil siasatan mendapati mangsa merupakan anak sulung daripada tiga beradik.

Katanya, pemeriksaan di hospital mendapati terdapat kesan parut lama pada bahagian belakang, tangan kanan dan kiri, paha kanan serta pipi kanan mangsa.

“Doktor juga mengesahkan tiada sebarang kesan kecederaan atau parut pada bahagian badan ibu mangsa dan dua adik mangsa yang lain,” ujarnya.

Hasil ujian air kencing mendapati suspek positif methamphetamine.

Suspek berusia 34 tahun itu direman bermula hari ini sehingga 30 Mac untuk membatu siasatan di bawah seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 kerana melakukan penderaan fizikal terhadap kanak-kanak dan seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

KAKI KANAK-KANAK TERSEKIT PADA LUBANG SALURAN AIR

<https://tvstv.my/2023/03/27/kaki-kanak-kanak-tersekit-pada-lubang-saluran-air/>

Sumber : TVSTV



TANJUNG MANIS, 27 Mac: Kecekapan anggota bomba berjaya menyelamatkan seorang kanak-kanak lelaki selepas kakinya tersekit dalam saluran lubang saluran air dalam tandas sebuah rumah pekerja di sini, hari ini.

Pemangku Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Tanjung Manis, Pegawai Bomba Kanan I (PBKI) Awang Busrah Awang Mostapha berkata, insiden kira-kira pada 6 pagi itu disedari oleh ibu kanak-kanak berusia setahun itu sebelum cuba bertindak menyelamatkan mangsa.

“Bagaimanapun, dia tidak berjaya dan akhirnya terpaksa menghubungi bomba untuk mendapatkan bantuan.

“Bomba Tanjung Manis menerima panggilan kejadian ini pada jam 8.13 pagi sebelum mengerahkan sepasukan anggota ke lokasi,” katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, sebagai langkah susulan, bomba terpaksa bertindak memecah lantai dan paip menggunakan peralatan khas sebelum berjaya mengeluarkan kaki mangsa.

“Operasi yang berakhir pada 9.55 pagi dilakukan dengan berhati-hati bagi memastikan kaki mangsa tidak cedera,” ujarnya. – TVS

RUU KESALAHAN SEKSUAL KANAK-KANAK DIBENTANG DI DEWAN RAKYAT

<https://www.malaysiakini.com/news/660169>

Sumber : Malaysia Kini



Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (Pindaan) 2023 yang bertujuan memberikan perlindungan lebih jitu dan menyeluruh kepada kanak-kanak, dibentang untuk kali pertama di Dewan Rakyat hari ini.

Ia dibentangkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Datuk Seri Azalina Othman Said.

Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (Pindaan) 2023 antara lain menetapkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan boleh didenda sehingga RM50,000 bagi kesalahan melibatkan persembahan seksual kanak-kanak.

Antara kesalahan itu termasuk membuatkan atau menyebabkan kanak-kanak melakukan persembahan seksual; turut serta, sama ada sebagai peserta atau penonton dalam persembahan seksual; mengiklankan, mempromosikan atau memudahkan persembahan seksual; serta menerima apa-apa manfaat, termasuk kewangan daripada persembahan seksual tersebut.

Menurut rang undang-undang itu, ‘persembahan seksual’ bermaksud apa-apa perlakuan seksual secara terang-terangan yang dipersembahkan di hadapan seorang penonton atau lebih, termasuk yang dirakam atau dihantar keseluruhannya atau sebahagiannya, melalui apa-apa cara termasuk tetapi tidak terhad kepada cara elektronik, mekanikal, digital, optik atau magnetik, atau gabungan apa-apa cara.

Selain itu bagi perkara melibatkan pemerasan seksual kanak-kanak seperti mengugut melakukan aktiviti bersifat seksual, mengugut mereka untuk berkongsi apa-apa gambaran sama ada dalam bentuk visual, audio atau bertulis, individu berkenaan boleh dihukum penjara tidak melebihi 10 tahun jika disabitkan.

Rang undang-undang itu turut menyatakan perintah bagi pembayaran pampasan kepada mangsa kanak-kanak yang mana jumlah wang ditetapkan oleh mahkamah berdasarkan kecederaan yang dialami mangsa.

Selain itu Azalina turut membentangkan Rang Undang-Undang Keterangan Saksi Kanak-Kanak (Pindaan) 2023, yang bertujuan menambah baik perlindungan terhadap saksi kanak-kanak dengan menaikkan umur saksi kanak-kanak daripada 16 tahun kepada 18 tahun.

Ia bertujuan memasukkan peruntukan yang membolehkan mahkamah melarang apa-apa soalan tidak wajar kepada saksi kanak-kanak semasa pendengaran khas seperti yang bersifat memperdayakan atau mengelirukan, menghina, menakut-nakutkan, mengaibkan, mengganggu, mengusarkan, menyinggung, menindas atau mengulang secara tidak perlu.

Menurut rang undang-undang itu, seseorang saksi kanak-kanak semasa pendengaran khas boleh memberikan keterangan dengan cara mengadakan suatu pengadang di antara kanak-kanak itu dengan tertuduh atau kanak-kanak yang dipertuduh atas mana-mana kesalahan atau dengan cara rangkaian secara langsung atau gabungan kedua-duanya.

Azalina memaklumkan bacaan kali kedua untuk Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (Pindaan) 2023 dan Rang Undang-Undang Keterangan Saksi Kanak-Kanak (Pindaan) 2023 juga diadakan pada mesyuarat kali ini.

WARGA EMAS CEDERA DIPIJAK DAN DIPUKUL ANAK

<https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/60292-warga-emas-cedera-dipijak-dan-dipukul-anak>

Sumber : Berita RTM

KOTA BHARU, 27 Mac - Seorang bekas tentera berusia 32 tahun tergamak memijak muka dan memukul ibunya kerana tidak mendapat wang RM20 untuk membeli dadah dalam kejadian di sebuah rumah dekat Kampung Gual Jedok, Tanah Merah, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Tanah Merah Superintendan Mohd Haki Hasbullah berkata, akibat daripada kejadian itu mangsa berusia 65 tahun mengalami kecederaan di dahi, mata, bengkok di bahagian

kepala dan badan sebelum mendapatkan rawatan sebagai pesakit luar di Hospital Tanah Merah.

"Pada 25 Mac, lebih kurang 5.08 petang, pihak kami telah terima satu laporan berkait kes mendatangkan kecederaan terhadap ibu kandung di Tanah Merah.

"Berdasarkan keterangan pengadu (abang suspek), telah menerima video daripada abang iparnya pada 2.30 petang mengenai adik kandungnya memukul ibu pengadu," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata suspek berjaya ditangkap dan hasil soal siasat awal mendapati suspek mengaku memukul ibunya kerana tidak memberikan wang yang diminta.



(FOTO HIASAN)

"Suspek yang juga pemegang kad orang kurang upaya (OKU) mental ditahan reman selama empat hari bermula semalam untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksan dan Seksyen 18A Akta Keganasan Rumah Tangga (AKRT).

"Hasil ujian saringan air kencing mendapati suspek positif dadah jenis Methamphetamine serta mempunyai dua rekod kesalahan lampau berkaitan dadah," katanya. – BERNAMA

WARGA EMAS DAKWA 'DISERANG' ANGGOTA MBPJ, 9 INDIVIDU BERI KETERANGAN

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/27/warga-emas-dakwa-diserang-anggota-mbpj-9-individu-beri-keterangan/>

Sumber : Free Malaysia Today



PETALING JAYA: Polis sudah mengambil keterangan sembilan individu berhubung pergelutan anggota penguat kuasa Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan seorang warga emas ketika operasi menangkap anjing liar di Taman Kanagapuram, Rabu lalu.

Ketua Polis Petaling Jaya, Fakhrudin Abdul Hamid, berkata pihaknya dalam proses melengkapkan kertas siasatan sebelum menyerahkan kepada Pejabat Timbalan Pendakwa Raya dalam masa terdekat.

“Polis tidak akan mendedahkan hasil siasatan dan akan memaklumkan kepada media, sekiranya terdapat sebarang pertuduhan,” katanya menurut Utusan Malaysia.

Sabtu lalu, polis dilaporkan akan menyiasat seorang lelaki warga emas yang mendakwa “diserang” pasukan penguat kuasa MBPJ ketika operasi menangkap anjing liar kerana menghalang penjawat awam melakukan tugas.

Ia susulan laporan polis dibuat seorang anggota penguat kuasa terbabit dalam operasi itu. Polis dilaporkan berkata, hasil siasatan mendapati warga emas itu cuba melindungi anjing liar dengan memasukkan binatang itu ke premisnya Rabu lalu.

Pasukan penguat kuasa cuba menghalang lelaki itu daripada menutup pintu premis, tetapi gagal berbuat demikian.

Kes itu disiasat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan kerana mendatangkan kecederaan dan Seksyen 186 Kanun Keseksaan kerana menghalang tugas penjawat awam.

PEMBEKAL SAYUR WARGA EMAS CEDERA PARAH DIBELASAH PEKERJA KEDAI KOPI

<https://www.utusansarawak.com.my/?p=43806>

Sumber : Utusan Sarawak



KUCHING: Niat hendak menumpang tandas berakhir tragis apabila seorang pembekal sayur warganegara tempatan dibelasah tanpa sebab oleh seorang pekerja kedai kopi warganegara Indonesia.

Kejadian berlaku sekitar 1.13 petang, malam tadi di sebuah kedai kopi berhadapan pasar Petanak menyebabkan pembekal sayur, warga emas berusia 61 tahun itu kini mengalami cedera parah di bahagian muka, dipercayai mengalami kecederaan serius di kepalanya.

Menurut saudara mangsa ketika ditemu bual pemberita Utusan Sarawak, bapa saudaranya merupakan seorang pemborong sayur yang membekalkan sayur ke pasar Petanak.

“Bapa saudara saya (mangsa) membekalkan sayur kepada peniaga pada sebelah pagi dan kemudian akan mengutip hasil jualan sebelah petang. Pasar Petanak sememangnya lokasi untuk bapa saudara saya minum kopi.

“Entah mengapa, suspek dengan tiba-tiba menghampiri bapa saudara saya (mangsa) lalu memukulnya bertalu-talu dan menghentak sekarton air mineral di muka bapa saudara saya,” jelasnya memaklumkan bahawa pemilik kedai kopi tersebut berkata suspek baharu sahaja sebulan bekerja di kedai kopi itu.

Pemilik kedai kopi itu terserempak dengan mangsa lalu membawanya ke Hospital Umum Sarawak untuk mendapatkan rawatan lanjut.

Mangsa dilaporkan telah sedar diri namun gagal berkomunikasi seperti sedia kala.

Satu laporan polis telahpun dibuat oleh saudara mangsa, namun melihat kepada kondisi mangsa, pihak polis ambil maklum mengenai kejadian dan kes sedang dalam siasatan.

Beberapa rakaman kamera litar tertutup (CCTV) menunjukkan suspek menunggu mangsa di luar pintu tandas dan apabila mangsa keluar, suspek bertindak memukulnya.

Tambahnya lagi, mangsa dilaporkan cuba melawan namun atas faktor usia dan suspek juga dipercayai dalam pengaruh dadah, maka mangsa tewas dalam pergelutan itu lalu rebah ke lantai tandas kedai kopi itu.

“Suspek menanggalkan bajunya ketika sedang bergelut dengan mangsa. Suspek kemudiannya mengambil sampul surat daripada poket mangsa.

“Semasa mangsa bergerak, suspek mengambil sekarton air mineral dan menghentakkan ke kepalanya (kepala mangsa). Suspek sekali lagi menyelar muka mangsa apabila melihat mangsa masih dalam keadaan separuh sedar mengakibatkan mangsa pada akhirnya tidak sedarkan diri,” jelasnya.

'BUKAN MUDAH JAGA ANAK OKU'

https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1082256/bukan-mudah-jaga-anak-oku?utm_source=bh&utm_medium=terkinitabhp

Sumber : Berita Harian



KUALA LUMPUR: Cabaran membesarkan anak kurang upaya (OKU) mungkin akan menyebabkan keluarga berasa **tertekan** dan tidak mampu mengendali situasi berkenaan.

Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Norazman Othman, berkata kanak-kanak OKU memerlukan perhatian yang lebih, berbanding kanak-kanak normal disebabkan keperluan mereka yang berbeza dari aspek pemulihan dan pengintegrasian ke dalam masyarakat.



Ketua Pengarah JKM, Norazman

Othman.

Justeru, beliau berkata, ibu bapa perlu mendapatkan pengetahuan dan kemahiran dalam mendidik anak OKU ini.

Katanya, ibu bapa atau keluarga boleh mendapatkan khidmat kaunseling di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian(PKMD/J/B) atau Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berdekatan untuk mendapatkan bimbingan serta khidmat nasihat mengenai masalah yang dihadapi dalam menjaga dan mendidik anak OKU.

"JKM mempunyai seramai 193 orang kaunselor, yang ditempatkan di pejabat JKM peringkat daerah, jajahan dan bahagian.

"Namun, jika ibu bapa tidak dapat menjaga anak OKU, mereka boleh menghantar anak terbabit ke institusi JKM sebagai langkah terakhir, bagi memastikan kebajikan anak terbabit terpelihara.

"Kerajaan melalui JKM menyediakan perkhidmatan penjagaan OKU di institusi kebajikan seperti Taman Sinar Harapan (TSH), yang diwartakan sebagai institusi yang memberi penjagaan, perlindungan dan pemulihan kepada OKU kategori masalah pembelajaran," katanya kepada BH.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kejadian **tiga kanak-kanak** yang dijumpai orang awam di Perlis, dengan dua daripada mereka diikat kakinya oleh ibu mereka.

Ketua Polis Daerah Kangar, Asisten Komisioner Yusharifuddin Mohd Yusof, dilaporkan berkata, dua daripada mangsa yang juga OKU dirantai di bahagian kaki, manakala seorang lagi tidak dirantai.

Berdasarkan maklumat awal, rantai besi yang diikat di kaki dua daripada tiga remaja lelaki berusia antara 13 tahun dan 16 tahun itu mungkin dipasang ibu mereka bagi mengawal pergerakan.

Mereka dimasukkan ke Hospital Tuanku Fauziah, Kangar bagi menjalani rawatan serta pemeriksaan lanjut dan kini sudah diserahkan kepada **JKM Perlis** untuk perlindungan.

Mengulas lanjut, Norazman berkata, terdapat tujuh buah TSH di seluruh negara, yang menawarkan khidmat jagaan kanak-kanak OKU pelbagai kategori.

"Selain TSH kendalian JKM, terdapat juga pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memberi jagaan kepada kanak-kanak OKU yang berkeperluan khas.

"NGO ini menyediakan perkhidmatan jagaan dan pemulihan kepada golongan OKU bagi menampung kekurangan perkhidmatan dan institusi yang disediakan oleh kerajaan, khususnya JKM ke arah kesejahteraan golongan kurang upaya," katanya.

Beliau berkata, ibu bapa boleh mendapatkan maklumat mengenai program pemulihan untuk anak OKU melalui pemimpin tempatan atau komuniti setempat, klinik kesihatan atau PKMD/J/B yang berdekatan.

Beliau berkata, JKM menyediakan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) untuk memberi pemulihan dan pembelajaran kepada golongan OKU sejak di awal usia lagi.



JKM menyediakan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) untuk memberi pemulihan dan pembelajaran kepada golongan OKU sejak di awal usia lagi. - Foto JKM

"Kita ada 563 PDK di seluruh negara buat masa ini," katanya.

Norazman turut mengingatkan semua pihak, dalam proses penjagaan dan pemulihan kanak-kanak OKU, peranan dan pembabitan ibu bapa serta ahli keluarga sangat penting.

"Proses pemulihan akan berterusan berlaku, bermula dari tempat pemulihan sehingga kanak-kanak OKU berada di rumah," katanya.

SEPAK, PIJAK KEPALA IBU KERANA TIDAK DIBERI RM20 BELI DADAH

<https://selangorkini.my/2023/03/sepak-pijak-kepala-ibu-kerana-tidak-diberi-rm20-beli-dadah/>

Sumber : Selangor Kini

SHAH ALAM, 27 MAC: Seorang lelaki bertindak memukul, memijak, menampar dan menyepak ibunya selepas permintaan untuk mendapatkan RM20 bagi membeli dadah tidak dipenuhi.

Ketua Polis daerah Tanah Merah berkata kejadian di Kampung Gual Jedok menyebabkan warga emas berusia 65 tahun mengalami bengkak di kepala, dahi dan mata serta sakit pada bahagian badan, lapor Sinar Harian.

Menurut Superintendan Mohd Haki Hasbullah, mangsa dan suspek yang berusia 32 tahun tinggal berdua di rumah tersebut dan kejadian berlaku di depan pintu kediaman mereka.

“Kejadian tersebut telah dirakam oleh cucu wanita terbabit yang tinggal bersebelahan dengan rumah berkenaan.

“Ekoran daripada kejadian itu mangsa telah alami kecederaan dan mendapatkan rawatan sebagai pesakit luar di Hospital Tanah Merah,” katanya.

Tambah Mohd Haki suspek yang merupakan pemegang kad orang kurang upaya (OKU) mental sering mengamuk meminta wang daripada mangsa.

“Hasil ujian air kencing menunjukkan lelaki berkenaan positif methamphetamine dan mempunyai dua rekod lampau berkait dengan dadah,” katanya.